



MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT  
KUALA LANGAT INDAH DAN HARMONI



EDISI  
NO.2



## Program *Thya Ramadhan*

*Bersama*

*D.Y.M.M. Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni  
Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj*

02

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT  
KUALA LANGAT WILAYAH NEGERI SELANGOR



## PERUTUSAN YDP

Yang Berbahagia,  
Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, P.P.T.

**A**ssalamualaikum wbt.

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya kita masih diberi peluang bernafas dan melunaskan tugas selaku Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan kepada warga Kuala Langat.

Dalam usaha menyampaikan mutu perkhidmatan yang lebih baik, MDKL sentiasa berusaha untuk melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan selaras dengan kehendak Pentadbiran Kerajaan Negeri yang ingin menumpukan kepada dasar pembangunan masyarakat selain daripada meningkatkan taraf ekonomi dan sosial.

Bagi memastikan Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat 2030 dapat dicapai, MDKL serius dalam memastikan setiap perancangan pembangunan dibuat mengikut garis panduan yang ditetapkan bagi mengekang sebarang ketirisan yang boleh berlaku sekaligus meningkatkan reputasi dan kredibiliti penjawat awam.

MDKL komited dalam meneruskan formula perkhidmatan terbaik bagi meningkatkan pencapaian aspek kebersihan, infrastruktur, kemudahan awam dan perparitan untuk kesejahteraan masyarakat berlandaskan motto "Kuala Langat Indah dan Harmoni".

Akhir kata, saya menyeru kepada semua untuk menguatkan tekad dan iltizam untuk bersama MDKL dalam usaha menterjemahkan perancangan dan perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi dan menerapkan gaya bekerja dan berfikir yang lebih maju ke hadapan.



## SIDANG REDAKSI

### **Penaung**

Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, P.P.T.  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kuala Langat

### **Penasihat**

Encik Mohd Yasin bin Alwi  
Timbalan Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kuala Langat

### **Ketua Pengarang**

Puan Nurfadhilah binti Jalaludin

### **Pengarang**

Encik Mohd Shauki bin Jamaludin  
Encik Mohd Khairuddin bin Soberon

### **Penolong Pengarang**

Encik Syamsol Herwan bin Ahmad  
Encik Rizaki bin Jaapar  
Puan Nurasykin binti Mohamed Yusuf  
Encik Norhisham bin Othman

### **Jurufoto**

Encik Samsul bin Zainun  
Encik Ezzaq Effendie bin Ramli

Penerbitan buletin ini dikhususkan kepada pembaca Sektor Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di seluruh negara dan edaran secara percuma.

Segala tulisan, ilustrasi dan foto dalam buletin ini adalah hakmilik penerbit dan tidak dibenarkan disiarkan tanpa kebenaran bertulis daripada pihak penerbit.

Diterbitkan oleh:

Unit Korporat dan Perhubungan Awam  
Majlis Daerah Kuala Langat  
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03 3187 2825 / 2732 / 8957 / 1743 Faks : 03 3187 9304

Emel : admin@mdkl.gov.my , aduan@mdkl.gov.my

Laman Sesawang : www.mdkl.gov.my



# Program Ihya Ramadhan



Majlis Berbuka Pusa Bersama Duli Yang Maha Mulia, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj telah diadakan pada 12 Jun 2017 bertempat di Masjid Ar-Rohmaniah, Kampung Sungai Lang Baru, Banting. Di dalam majlis ini, D.Y.M.M. Sultan Selangor telah berkenan untuk merasmikan Masjid Ar-Rohmaniah serta memberikan sumbangan kepada Anak-Anak Yatim, Fakir Miskin dan Saudara Baru. Turut hadir di dalam majlis ini ialah Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor.





## MESYUARAT TINDAKAN DENGGI NEGERI SELANGOR



Mesyuarat Tindakan Denggi Negeri Selangor Bilangan 6/2017 telah diadakan pada 13 April 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka Kuning, MDKL. Mesyuarat yang bertujuan membincangkan berkenaan kes denggi Negeri Selangor telah dipengerusikan oleh Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan Pembangunan Wanita dan Keluarga. Kehadiran mesyuarat melibatkan seluruh Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Kesihatan Daerah dan Pejabat Daerah/Tanah Selangor.





## PROGRAM SEMBURAN AEROSOL SELANGOR (SAS) DAN GOTONG-ROYONG BANDAR SAUJANA PUTRA

Program Semburan Aerosol Selangor (SAS) dan Gotong Royong Bandar Saujana Putra telah diadakan pada 2 April 2017, program anjuran Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekitaran, MDKL dengan kerjasama Pusat Khidmat Komuniti Dun Telok Datok dan Majlis Perwakilan Penduduk Zon 7. Antara aktiviti yang dijalankan ialah, gotong-royong, *larvasiding*, pemusnahan tempat pembiakan (PTP). Sebanyak 300 unit Aerosol sumbangan Kerajaan Negeri Selangor diedarkan kepada penduduk bagi tujuan aktiviti semburan di dalam rumah ia selaras dengan saranan Kerajaan Negeri Selangor 'Satu Rumah Satu Aerosol' berjaya dilaksanakan bagi merealisasikan 'Selangor Bebas Denggi'. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga.





# Operasi Cemar Bau

Dua buah premis perniagaan di Kampung Labohan Dagang dan Kampung Bukit Changgang telah diarahkan menghentikan operasi serta-merta oleh pihak MDKL di dalam satu operasi yang telah dijalankan baru-baru ini. Operasi yang dijalankan pihak MDKL mendapati pemilik premis perniagaan tersebut telah menjalankan operasi perniagaan tanpa lesen perniagaan. Pemilik premis tersebut telah dikenakan notis di bawah UUK3, UUK Pelesenan Trade, Perniagaan Dan Perindustrian MDKL 2007 kerana menjalankan perniagaan tanpa kebenaran dari pihak MDKL di mana boleh dikenakan tindakan kompaun maksimum RM 1,000.00. Pemilik turut dikenakan notis di bawah UUK4, UUK pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MDKL) 2017. Tindakan drastik ini diambil setelah pemeriksaan dijalankan mendapati pengusaha premis menjalankan perniagaan memproses kitar semula dengan mengumpulkan sampah sarap sebelum proses pengasingan menyebabkan kacauganggu bau busuk dan bunyi bising kepada penduduk sekitar. Turut serta di dalam operasi ini ialah Yang Berbahagia, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat.





# Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Negeri Selangor 2017

Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Negeri Selangor 2017 pada 5-6 Mei 2017 bertempat di Dataran Morib, Pantai Morib, Banting. Anjuran Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) dengan kerjasama Majlis Daerah Kuala Langat dan Pejabat Tanah/Daerah Kuala Langat telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi. Sepanjang 2 hari sambutan ini diadakan pelbagai aktiviti kesenian, warisan dan budaya diadakan dan dipersembahkan kepada orang ramai, diantaranya pertandingan Silat Seni, Wau, Memanah Tradisional, pameran Senjata Warisan, Busana Cilik, makan Nasi Ambang serta Perhimpunan Motor Klasik British. Turut hadir Tuan Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Daerah Kuala Langat ke majlis tersebut.





## MAJLIS RAMAH MESRA KETUA-KETUA JABATAN DAERAH KUALA LANGAT



Majlis Ramah Mesra Ketua-Ketua Jabatan Daerah Kuala Langat 2017 telah diadakan pada 14 April 2017 bertempat di Dewan Kompleks Sukan Majlis Daerah Kuala Langat yang bertujuan menjalinkan hubungan erat antara pegawai MDKL dengan Jabatan-Jabatan Daerah Kuala Langat dan kehadiran seramai 100 orang.







# BENGGKEL FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) HALA TUJU KEMPEN #BEBASPLASTIK

Bengkel Focus Group Discussion (FGD) Hala Tuju Kempen #BEBASPLASTIK Negeri Selangor telah diadakan pada 4 Mei 2017 bertempat di Hotel Impian Morib, Banting, Program anjuran Jabatan Perancangan Pembangunan, MDKL dengan kerjasama Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor. Bengkel diadakan bertujuan membincangkan kaedah serta tatacara yang terbaik dalam memastikan pelaksanaan kempen #BEBASPLASTIK memberikan impak yang positif selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri Selangor, kehadiran menyertai bengkel seramai 90 orang terdiri daripada Sekretariat Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, agensi Jawatankuasa Pembangunan Mampan serta Ahli-Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MDKL. Majlis perasmian penutup disempurnakan Yang Berbahagia, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat.





Retromania Grand Gathering 2017 telah diadakan pada 29 – 30 April 2017 bertempat di Dataran Morib, Pantai Morib, Banting. Anjuran bersama Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), *Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB)* dengan kerjasama Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR), *The Malaysia Book Of Records (MBOR)* dan Kelab-Kelab Motosikal Retro Se-Malaysia. Program yang mendapat sambutan yang amat mengalakkan dengan penyertaan pendaftaran Motosikal sebanyak 5,084 ribu buah motosikal retro dari seluruh Semenanjung Malaysia dan Singapura dan seterusnya berjaya mencatatkan dalam *The Malaysia Book Of Records (MBOR)* dan memperbaharui rekod *MBOR* tahun 2014 sebanyak 4,103 ribu dianjurkan yang sama. Program tahunan anjuran MDKL ini telah menarik pengunjung peminat motosikal retro era tahun 1960-an hingga 1980-an seramai 15,000 ribu orang termasuk pengunjung dari dalam dan luar Negara termasuk German, Chili, Singapura, Thailand dan Indonesia. Majlis perasmian penutup serta menandatangani *MBOR* telah disempurnakan oleh Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, Adun Morib. Turut hadir Yang Berbahagia, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat ke program tersebut.







## GOTONG ROYONG MEMASAK BUBUR LAMBUK BERSAMA KOMUNITI 2017



Majlis Gotong Royong Memasak Bubur Lambuk Bersama Komuniti 2017 telah diadakan pada 7 Jun 2017 bertempat di Pusat Dagangan Banting. Seramai 60 orang pegawai dan kakitangan telah melibatkan diri bersama ahli komuniti warga Banting di dalam program ini. Program yang telah dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat MDKL adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dikalangan masyarakat setempat disamping mewujudkan semangat kerjasama diantara satu sama lain. Sebanyak 15 buah periuk bubur lambuk telah disediakan dan diedarkan kepada penduduk di kawasan sekitar.

## KEMPEN PENGGUNAAN TANPA BEG PLASTIK



Majlis pelancaran kempen #BEBASPLASTIK sempena Kempen Bazar Ramadhan Mampan telah diadakan pada 7 Jun 2017 bertempat di Bazar Ramadhan Banting. Di dalam majlis ini pihak MDKL telah mengedarkan apron edisi Kempen Bazar Ramadhan Mampan kepada semua peniaga serta mengedarkan beg dan bekas makanan guna semua kepada pengunjung bazar. Turut hadir di dalam majlis ini ialah Yang Berbahagia, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat





# Majlis Berbuka Puasa Dan Mesra Media Majlis Daerah Kuala Langat 2017



Majlis berbuka puasa dan mesra media bersama anak-anak yatim MDKL 2017 telah diadakan pada 16 Jun 2017, bertempat di Dewan Seri Jugra, Telok Datok. Seramai 150 orang anak-anak yatim daripada Rumah Anak Yatim dan Asnaf As-Solihin Kanchong Darat, Rumah Anak Yatim Amal Raudhatul Jannah Olak Lempit, serta Rumah Amal Anak Yatim YPIN Sungai Manggis telah diraikan di dalam majlis ini. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk memberikan sumbangan kepada mereka yang kurang berkemampuan untuk membuat persiapan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri. Majlis diserikan dengan kehadiran Yang Berbahagia, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat serta Ahli-Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MDKL.



# Program Jom Membaca 10 Minit



## MINGGU BAHASA MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

Minggu Bahasa Daerah Kuala Langat 2017 telah diadakan bertempat di Dewan Seri Jugra, Telok Datok, Banting. Program anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan Jabatan Perancangan Pembangunan, MDKL dan kerjasama Pejabat Pendidikan Kuala Langat diadakan sebanyak 3 sesi, iaitu pada 27 hingga 28 Mac 2017 untuk Bengkel Penulisan Kreatif, 4 hingga 5 April 2017 Pertandingan Pantun dan yang terakhir pada 6 April 2017 Pertandingan Pidato. Pertandingan ini menarik penyertaan dari seluruh Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan di sekitar daerah Kuala Langat. Majlis perasmian penutup serta penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Daerah Kuala Langat.



# PROGRAM CSR PENCERIAAN DAN PEMBERSIHAN PANTAI



Program CSR Penceriaan dan Pembersihan Pantai telah diadakan pada 16 April 2017 bertempat di Pantai Kelanang, Banting. Program anjuran Jabatan Perancangan Pembangunan, MDKL dengan kerjasama Suzuki Malaysia. Aktiviti yang dijalankan fokus kepada aktiviti gotong-royong pembersihan kawasan pesisir pantai serta mengecat *road kerb*. Turut hadir Yang Berbahagia, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat.





Karnival Orang Kelainan Upaya (OKU) Peringkat Daerah Kuala Langat 2017 telah diadakan pada 23 April 2017 bertempat di Dataran Morib, Pantai Morib, Banting. Program anjuran bersama Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat, MDKL. Kehadiran program menarik penyertaan seramai 500 orang,

Antara aktiviti yang dijalankan ialah sukaneka, jualan produk kraf, pemeriksaan dan pameran kesihatan, pameran peralatan OKU, sukan bola sepak *specialimpik*, sukan bocee, pertandingan mewarna kanak-kanak, ikon OKU serta senamerobik. Majlis perasmian penutup serta penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Daerah Kuala Langat.







Serahan Buah Kurma Sempena Menyambut Ramadhan Al-Mubarak 1438H telah diadakan pada 26 Mei 2017 bertempat di Ruang Legar Majlis Daerah Kuala Langat. Majlis penyampaian disempurnakan oleh Yang Berbahagia, Tuan Mohammad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat. Pemberian sumbangan ini merupakan acara tradisi tahunan kepada pegawai dan kakitangan MDKL sempena menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak.

## MAJLIS PENYAMPAIAN BUAH KURMA MDKL 2017



## OPERASI PEMERIKSAAN KEBERSIHAN PREMIS PERNIAGAAN MDKL



Operasi Pemeriksaan Kebersihan Premis Perniagaan MDKL telah diadakan pada 20 April 2017 bertempat di Medan Penjaja Sungai Jarum, Jenjarum. Operasi diketuai Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dengan kerjasama Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekitaran serta Unit Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MDKL. Tujuan operasi ini bagi melihat tahap kebersihan serta pematuhan yang telah ditetapkan di dalam syarat-syarat pengeluaran lesen perniagaan dan tambahan bangunan di samping mendengar permasalahan yang dihadapi oleh peniaga serta pelanggan yang berurusan di premis berkenaan. Hasil dari operasi yang dijalankan sebanyak 15 notis kesalahan telah dikeluarkan, di antaranya 9 kesalahan berkaitan Seksyen UUK 3, UUK Penjaja kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen dari MDKL. 6 kesalahan berkaitan UUK 19(1)(d) di bawah Establishment Makanan (MDKL) 2007 iaitu Membuang Sisa Makanan / Minyak Tanpa Memasang Perangkap Minyak (*Grease Trap*) di singki membasuh pinggan mangkuk. 24 Notis Pemberitahuan juga telah dikeluarkan termasuk 4 Notis Pemberitahuan dibawah UUK 19(1)(d) Establishment Makanan (MDKL) 2007 dan 20 Notis Pemberitahuan mengenai pemasangan perangkap minyak.

# KEJOHANAN PERAHU LAYAR

## KFC-MDKL SELANGOR OPEN REGATTA 2017



Kemudahan prasarana dan infrastruktur yang lengkap membolehkan Pantai Batu Laut dikekalkan sebagai lokasi kejohanan bagi tahun 2017 yang dikelola oleh Persatuan Sukan Layar Selangor bersama KFC serta MDKL dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Selangor dan Persatuan Pelayaran Malaysia. Kejohanan edisi 2017 menyaksikan penyertaan seramai 123 orang peserta termasuk 12 buah kelab dari seluruh Malaysia serta dari luar negara, Singapura dan Indonesia telah bermula pada 19 sehingga 21 Mei 2017. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Hassan, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Tanjung Sepat. Turut hadir Tuan Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Daerah Kuala Langat.



Kejohanan Futsal Tertutup Pengurusan Taman Perindustrian (IPMC) Kuala Langat 2017 telah diadakan pada 14 Mei 2017 bertempat Zetcom Business And Sport Centre, Olak Lempit, Banting. Kejohanan sukan di bawah kelolaan Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat, MDKL telah menarik penyertaan sebanyak 19 pasukan kategori lelaki dan 4 pasukan kategori wanita. Majlis perasmian penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan Tuan Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat.

## KEJOHANAN FUTSAL TERTUTUP IPMC 2017



## KEJOHANAN BOLA SEPAK 9 SEBELAH PIALA Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI



Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah Piala Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi telah diadakan pada 8 hingga 9 April 2017, bertempat di Stadium Jugra, Banting. Program anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Dewan Negeri Sijangkang, Jabatan Pembangunan Masyarakat MDKL dan Persatuan Bola Sepak Melayu Selangor. Kejohanan ini menarik penyertaan 24 pasukan sekitar Kuala Langat. Pasukan MDKL B muncul juara dan membawa wang tunai RM 3,000 dengan menewaskan pasukan Empire Rhea FC 3-0. Majlis perasmian penutup dan hadiah telah disempurnakan oleh Dato' Dr. Yahya bin Baba, Ahli Majlis Daerah Kuala Langat, wakil Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi. Turut hadir Tuan Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Daerah Kuala Langat.



# MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT ANDA DIPERHATIKAN

Membuang Sampah Di Tempat Yang  
Tidak Sepatutnya Adalah Satu Kesalahan

Dibawah Undang-Undang Kecil Pemungutan  
Pembuangan & Pelupusan Sampah-sarap (MDKL) 2007  
Dan Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (MDKL) 1994

Pesalah boleh dikenakan tindakan:  
Kompaun maksimum RM 1,000.00  
Denda oleh mahkamah maksimum RM 2,000.00



## PERINGATAN !!!

PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN PADA BANGUNAN SEDIA ADA TANPA KELULUSAN  
DARI MAJLIS ADALAH SATU KESALAHAN DI BAWAH AKTA JALAN,  
PARIT & BANGUNAN 1974 (AKTA 133)

## ELAKKAN DARI DIKENAKAN TINDAKAN !!!

SILA KEMUKAKAN PERMOHONAN PELAN BANGUNAN KEPADA  
MAJLIS SEBELUM KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN DIJALANKAN

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :  
JABATAN KAWALAN BANGUNAN  
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT  
DI TALIAN 03-31872825 SAMB. 123



## #BEBASPLASTIK

### 7 HARI SEMINGGU!

Tiada lagi beg plastik percuma dan bekas  
polistirena disediakan di premis perniagaan  
berhampiran anda.

**BEBASPLASTIK.MY**



Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar,  
Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna

